

PPM TAHAN LELAKI SELUDUP PETROL

November 30, 2019




Oleh ARDYHANSAH AMAT

SEMPORNA: Pasukan Polis Marin (PPM) menahan seorang lelaki tempatan selepas dipercayai menyeludup 13 jerikin berisi 325 liter minyak petrol di pesisir pantai di sini kelmarin.

Dalam kejadian pukul 6.30 petang itu, suspek ditahan ketika sedang menaiki sebuah perahu dan membawa semua 13 jerikin berkenaan dalam keadaan mencurigakan.

Komander PPM Wilayah 4 Sabah, Asisten Komisioner Mohammad Pajeri Ali berkata, semasa diperiksa, lelaki berkenaan gagal mengemukakan sebarang resit pembelian, dokumen atau permit daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk membawa barang bersubsidi itu.

"Sehubungan itu, suspek ditahan manakala semua jerikin, bot dan enjin dibawa ke Pangkalan PPM Semporna untuk tindakan lanjut," katanya.



Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.